

Ucaptama

Amalan Pengajaran Bahasa Melayu: Cabaran dan Harapan

Norliza Jamaluddin

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

norliza@fbk.upsi.edu.my

Abstrak

Kedwibahasaan yang menjadi dasar utama dalam sistem pendidikan Singapura bertujuan untuk mengekalkan jati diri warganegaranya menerusi pengekalan bahasa ibunda dan pada masa yang sama bahasa Inggeris amat dipentingkan bagi tujuan pragmatis, iaitu demi kemajuan dalam bidang ekonomi. Keperluan kedua-dua aspek ini ditambah dengan perkembangan teknologi dan globalisasi pada abad ini turut memberi cabaran besar dalam pendidikan, khususnya pendidikan bahasa Melayu. Oleh itu, ucaptama ini akan membincangkan cabaran pengajaran bahasa Melayu di Singapura yang antaranya melibatkan dasar kedwibahasaan, bahasa perhubungan dalam era globalisasi dan tatalaku anak-anak abad ke-21. Dari sudut amalan pengajaran bahasa Melayu, kertas ucaptama ini memuatkan sembilan aspek pelaksanaan pelajaran yang boleh digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci: kedwibahasaan, era globaliasi, amalan pengajaran, pelaksanaan pelajaran



PENDAHULUAN

Dalam kehidupan sehari-harian, manusia saling berinteraksi antara satu sama lain. Bagi membolehkan interaksi ini berlaku, manusia memerlukan media atau sarana berupa bahasa. Bahasa memainkan peranan yang amat penting dalam sesebuah negara. Bahasa bukan terbatas untuk tujuan komunikasi antara individu semata-mata, tetapi lebih daripada itu bahasa sebagai penghubung bagi membolehkan institusi sosiobudaya, sosiopolitik dan sosioekonomi berfungsi secara berkesan dan adil serta dapat memenuhi keperluan penduduk yang pelbagai terutamanya bagi negara yang terdiri daripada berbilang bangsa, bahasa, budaya dan agama.

Uniknya Singapura berbanding negara lain di rantau ini ialah dasar dwibahasanya. Singapura yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang bangsa dan budaya telah lebih 50 tahun melaksanakan dasar dwibahasa. Menerusi dasar ini, dua bahasa yang terlibat ialah bahasa Inggeris dan bahasa ibunda, iaitu sama ada bahasa Melayu, bahasa Mandarin atau bahasa Tamil. Bahasa Inggeris amat dipentingkan untuk tujuan sosioekonomi dan sosiopolitik, manakala bahasa ibunda penting untuk kelestarian budaya, warisan dan nilai tempatan dalam kalangan warganegaranya. Pengajaran dan pembelajaran kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa ibunda, bermula dari peringkat rendah hingga ke maktab rendah sememangnya amat mencabar.

LATAR BELAKANG BAHASA MELAYU DI SINGAPURA

Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan Singapura pada 6 Jun 1959 dan tahun 1966 menjadi puncak pencapaian sekolah-sekolah aliran bahasa Melayu apabila untuk pertama kalinya peperiksaan sijil tertinggi bagi bahasa Melayu diadakan dan bilangan yang mendaftar sebagai pelajar aliran Melayu Darjah 1 juga merupakan yang teramai, iaitu sekitar 5,249 orang. Bagaimanapun jumlah ini semakin berkurangan apabila Singapura keluar daripada Malaysia pada Ogos 1965. Hal ini berkait rapat dengan kesangsian dalam kalangan ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan Melayu apabila Malaysia bukan lagi menjadi orientasi Singapura dan pada masa yang sama pemerintah Singapura mengutamakan bahasa Inggeris. Keutamaan diberikan kepada bahasa Inggeris adalah atas dasar keperluan pragmatik, iaitu bahasa yang penting untuk kemajuan ekonomi Singapura dan sebagai bahasa perhubungan antarabangsa. Mulai dari saat itu, kedwibahasaan amat dipentingkan di Singapura. Kesannya, pada tahun 1970, kemasukan murid aliran Melayu pada peringkat Darjah 1 merosot sehingga 1,427 murid.



Laporan Goh 1978 mewajibkan pelajaran bahasa kedua pada semua peringkat. Selaras dengan dasar tersebut, kelulusan dalam bahasa kedua dijadikan salah satu syarat kemasukan ke universiti atau institusi pengajian tinggi. Menerusi dasar kedwibahasaan ini, semua pelajar yang melalui sistem pendidikan nasional di Singapura perlu mencapai kecekapan asas dalam dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa ibunda (Kamsiah Abdullah, 1993). Pada tahun 1983, Kementerian Pendidikan mengumumkan bahawa bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar ilmu di semua sekolah. Oleh hal yang demikian bahasa Inggeris menjadi bahasa pertama, manakala bahasa ibunda diajarkan sebagai bahasa kedua¹. Keutamaan dalam bahasa Inggeris ini telah menyebabkan ibu bapa kurang menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Melayu dan akhirnya pada tahun 1987 tiada lagi sekolah aliran Melayu (Suratman Markasan, 1993). Justeru, penggunaan bahasa Melayu semakin merosot dalam kalangan masyarakat Singapura.

CABARAN

Dasar Kedwibahasaan

Kedwibahasaan bermaksud seseorang yang menggunakan dua bahasa secara lazim dan bertutur seperti penutur natif dan penutur menggunakannya secara kerap semasa berkomunikasi (Hamers dan Blanc, 2000). Bagaimanapun, seseorang itu dianggap dwibahasa apabila mampu menggunakan lebih daripada satu bahasa, iaitu selain daripada bahasa natifnya, ia juga mampu menggunakan bahasa-bahasa lain sama ada dalam pertuturan atau dalam penulisan. Dalam sistem pendidikan di Singapura, sejak tahun 1966 lagi dasar kedwibahasaan telah menjadi tunjung utama dan berlangsung sehingga kini. Dasar bahasa ini amat dipentingkan oleh pemimpin Singapura kerana bahasa merupakan instrumen penting untuk mencapai objektif kebangsaan dan keperluan negara. Singapura terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa, budaya dan agama, maka bahasa Inggeris dipilih sebagai bahasa penyatuan bangsa, manakala bahasa ibunda sebagai kelestarian budaya dan jati diri bangsa. Justeru itu, dengan mengangkat empat bahasa menjadi bahasa rasmi, iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Mandarin, dan bahasa Tamil, maka kemajuan ekonomi dan perhubungan antarabangsa dapat dipertingkatkan dan pada masa yang sama jati diri, identiti bangsa dan budaya

¹ Di Singapura istilah bahasa kedua bukan dalam definisi yang sama seperti definisi yang diutarakan oleh kebanyakan ahli bahasa, tetapi membawa maksud bahasa Melayu (bahasa ibunda) yang dipelajari di sekolah yang bahasa pengantarnya ialah bahasa Inggeris dan jika bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, maka bahasa Inggeris menjadi bahasa kedua (Kamsiah Abdullah, 2000).



tetap dapat dipertahankan terutamanya dalam dunia tanpa sempadan kini. Bahasa Melayu juga diangkat sebagai bahasa kebangsaan secara simbolik.

Dalam konteks pendidikan, dasar kedwibahasaan ini memberikan kesan positif apabila keputusan peperiksaan bahasa pertama dan bahasa kedua semakin meningkat setiap tahun bagi semua kaum, terutamanya bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa Inggeris orang Melayu semakin jelas kelihatan terutamanya dalam kalangan yang berpendidikan tinggi. Bagaimanapun, peningkatan dalam penguasaan bahasa Melayu agak meragukan. Kajian sikap dan motivasi yang dijalankan terhadap murid-murid Melayu didapati kurang positif terhadap pembelajaran bahasa Melayu (Kamsiah Abdullah, 1993). Hal ini berkait rapat dengan nilai ekonomi bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Kefasihan dalam bahasa Inggeris menawarkan peluang pekerjaan yang lebih baik, peluang pendidikan tinggi yang lebih meluas serta tawaran gaji yang lebih lumayan. Tarikan yang ditawarkan daripada penguasaan bahasa Inggeris ini telah menjadi pendorong kuat khususnya dalam kalangan ibu bapa untuk menumpukan perhatian yang lebih kepada bahasa Inggeris dan bukan kepada bahasa ibunda. Bahasa Inggeris semakin menjadi keutamaan dalam komunikasi seharian kerana penggunaan dua bahasa pada satu-satu masa sukar untuk berlaku. Dengan itu peluang untuk bahasa Melayu digunakan semasa komunikasi lebih terbatas. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap kemampuan berbahasa dalam kalangan pelajar Melayu.

Bahasa Perhubungan dalam Era Globalisasi

Globalisasi yang dibawa oleh Barat menjadikan dunia sebagai sebuah perkampungan kecil. Dalam perkampungan ini, masyarakat dunia disatukan dari segi gaya hidup dan budaya yang baharu yang berlandaskan bahasa Inggeris. Penyatuan ini menjadikan sesebuah negara itu terbuka luas kerana tidak dibatasi oleh sempadan atau kedudukan geografi sehingga memungkinkan perhubungan berlangsung antara individu atau kelompok manusia di sesebuah tempat dengan tempat-tempat lain di dunia. Bagi membolehkan kelompok yang berbeza bahasa dan budaya ini berhubung, bahasa yang sama diperlukan dan di sinilah bahasa Inggeris dijadikan bahasa perhubungan utama. Bagi negara Timur yang maju yang sebelum ini amat mementingkan bahasa ibunda mereka sendiri seperti China, Jepun dan Korea turut meningkatkan pengajaran bahasa Inggeris dan pengajarannya dikembangkan. Oleh hal demikian, dunia ekabahasa tidak lagi memadai dan dwibahasa menjadi norma kini.

Secara tidak langsung, globalisasi ini melemahkan kedudukan dan penggunaan bahasa ibunda, khususnya bahasa Melayu apabila bahasa ini jarang digunakan dan nilai ekonominya juga agak rendah. Kewujudan



ekonomi baharu telah mewujudkan pasaran baharu bagi bahasa. Peta bahasa yang baharu terlakar, dengan bahasa Inggeris muncul sebagai bahasa dunia sejagat. Maklumat di Internet lazimnya dalam bahasa Inggeis dan landskap ekonomi kebanyakan negara berubah sehingga keperluan mempelajari bahasa Inggerissemakin meningkat. Rakyat China misalnya mempelajari bahasa Inggeris dengan tujuan untuk meraih peluang ekonomi. Nilai bahasa amat erat hubungannya dengan nilai ekonomi, khususnya dalam bidang pekerjaan dan peluang perniagaan (Kamsiah Abdullah, 2010).

Hal yang sama dihadapi oleh kalangan pengguna bahasa ibunda di Singapura. Kecekapan bahasa Inggeris yang dimiliki sejak dari awal ditingkatkan lagi kelincahannya menerusi bacaan dan tulisan bahan-bahan yang terdapat di dalam Internet. Lambakan maklumat yang dibaca, dan pengungkapan secara lisan atau tulisan yang lazimnya berlangsung dalam persekitaran berbahasa Inggeris menjadikan bahasa Melayu tidak lagi dipandang penting. Bahasa Melayu tidak dapat digunakan dengan baik dan semakin pudar rasa dan unsur kehalusan bahasanya kerana kurang digunakan terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Bardasarkan tinjauan 2016 yang dijalankan terhadap isi rumah setiap sepuluh tahun, didapati 36.9% daripada penduduk dalam lingkungan usia lima tahun dan ke atas bertutur dalam bahasa Inggeris. Peratusan penggunaan bahasa Inggeris ini meningkat secara mantap, iaitu 23% pada tahun 2000, 28.1% (2005), 32.3% (2010) dan 36.9% (2016). Dalam tempoh yang sama, penggunaan bahasa Melayu semakin berkurang, iaitu daripada 13.2% pada tahun 2005, kepada 12.2% (2010) dan 10.7% 2016. Perkara ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu, tetapi kaum Cina dan India juga semakin berkurang menggunakan Mandarin dan Tamil (Lee, P., 2016).

Data ini menjelaskan bahawa globalisasi menambah keperluan untuk berbahasa Inggeris berbanding bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu. Bahasa ibunda sekadar untuk memenuhi syarat untuk lulus peperiksaan bagi membolehkan anak-anak mereka menempatkan diri ke pusat-pusat pengajian tinggi. Namun begitu, tanpa bahasa Inggeris masa depan anak mereka lebih membimbangkan.

Tatalaku Anak-anak Abad ke-21

Dalam budaya global hari ini, penguasaan bahasa Inggeris sama ada dalam lisan atau tulisan telah menjadi tumpuan utama kepada generasi era baharu ini. Menurut Tapscott (2008), remaja kini atau digelar sebagai Generasi Z, iaitu remaja yang lahir antara tahun 1998 hingga 2009 dan generasi alpha, iaitu



kanak-kanak yang lahir bermula tahun 2010 hingga kini terikat dan bergantung sepenuhnya dengan media sosial kerana mereka diselubungi dengan teknologi digital, terutamanya internet sehingga mereka menganggap teknologi digital ini sebagai sebahagian daripada landskap semula jadi. Kemampuan mereka untuk mengaitkan diri mereka dengan teknologi jauh bezanya daripada generasi milenium. Bagi golongan generasi ini, teknologi digital bukan lagi satu perkara yang luar biasa kerana penggunaannya telah sehati dengan kehidupan seharian dan mereka membesar selari dengan arus teknologi. Dengan erti kata lain, generasi Z dan alpha membesar dalam dunia laman sosial sejak mereka kecil dan mereka berhubung menerusi teknologi sejak dari awal lagi.

Singapura sebagai sebuah negara maju tidak terkecuali dalam hal ini dan ledakan teknologi maklumat turut mempengaruhi mereka dalam pelbagai aspek kehidupan. Trend generasi abad ke-21 yang mendapatkan informasi dan ilmu di hujung jari, dengan hanya mengakses Internet di mana-mana sahaja mereka berada amat jelas kelihatan kini. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations*) dan *U.S. Census Bureau* (2018), daripada 5.75 juta penduduk Singapura, seramai 4.83 juta (84%) penduduk Singapura ialah pengguna Internet, manakala 4.80 juta (83%) ialah pengguna media sosial yang aktif. Mengikut statistik *Global Web Index* (Q2 & Q3, 2017), sebanyak 73% pengguna media sosial gemar menggunakan aplikasi Whatsapp, diikuti dengan Youtube sebanyak 71%, Facebook sebanyak 70% dan Instagram sebanyak 44%. Selain itu, data spesifik daripada *Exploration of Facebook Data* (2018) menunjukkan bahawa seramai 140 ribu (2.0%) daripada 4.80 juta (83.0%) pengguna Facebook ialah dalam kalangan remaja yang berumur 13 hingga 17 tahun, iaitu golongan remaja yang terdiri daripada pelajar sekolah. Sumber tersebut juga menunjukkan bahawa seramai 2.20 juta penduduk Singapura ialah pengguna Instagram. Tambahan pula, *Google Consumer Barometer* (2018) menunjukkan bahawa daripada jumlah penduduk Singapura, sebanyak 91% ialah pengguna telefon pintar, 71% penduduk pula pengguna komputer dan sebanyak 42% penduduk ialah pengguna *tablet*. Tahap penggunaan peranti berteknologi ini dijangka akan terus meningkat dalam kalangan remaja di Singapura dengan tumpuan kepada media sosial Facebook (*Exploration of Facebook Data*, 2018).

Statistik ini memberi gambaran bahawa pola remaja zaman ini yang lebih banyak melibatkan diri dengan dunia maya, iaitu menerusi penggunaan media sosial dan Internet. Disebabkan mereka lebih mesra untuk berkomunikasi secara maya dan berinteraksi dengan dunia teknologi dan aplikasi, generasi ini dikatakan kurang mempunyai kemahiran komunikasi serta kurang kemahiran *interpersonal* dalam mempelajari sesuatu ilmu baharu. Hal ini menjelaskan wujudnya satu budaya baharu dan nilai-nilai baharu yang terhasil daripada dunia maya kini. Dari aspek arus globalisasi, remaja ini lebih bertindak rakus



dalam mengejar dunia teknologi. Bahan bacaan bercetak yang ditulis di atas helaian kertas tidak lagi menimbulkan minat kepada mereka. Kebergantungan kepada alat atau gajet dan teknologi digital ini telah memaksa para guru mengubah bentuk pengajaran yang sesuai dengan jiwa dan kehendak pelajar masa ini. Oleh itu, sebagai pendidik, setiap guru perlu melengkapkan diri mereka dengan pelbagai teknologi digital bagi menarik perhatian dan menambat minat pelajar. Malahan, para guru perlu mengejar arus kepantasan pelajar untuk disesuaikan dengan daya tumpuan pelajar.

Bagi guru Bahasa Melayu, cabarannya bukan sekadar pada penggunaan gajet dan peranti berteknologi digital tetapi cabaran yang lebih besar adalah terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Kewujudan media sosial kini menjadi satu cabaran besar dalam pendidikan Bahasa Melayu khususnya apabila kedudukan bahasa Melayu itu sebagai bahasa kedua. Keutamaan dalam sistem pendidikan terhadap Bahasa Inggeris dan penggunaan bahasa ibunda yang semakin merosot dalam kehidupan seharian menyebabkan bahasa Melayu semakin dipinggirkan dan memberi kesan langsung kepada perkembangan bahasa Melayu. Kesemua media sosial yang digunakan adalah dalam Bahasa Inggeris manakala bahan-bahan, maklumat-maklumat, artikel-artikel yang dibaca secara *online* juga adalah dalam Bahasa Inggeris. Kajian mengenai bahasa oleh Albert Breton (1998) menunjukkan bahawa bahasa sebagai satu unsur modal bagi manusia dan bahasa amat penting untuk tujuan komunikasi sama ada lisan mahu pun tulisan. Oleh itu, dalam arus globalisasi ini, bahasa Melayu tanpa disengajakan telah semakin terpinggir dan hal ini memerlukan keupayaan guru untuk mengajarkan bahasa Melayu dengan menarik sehingga dapat menarik minat pelajar dan pada masa yang sama dapat meningkatkan keupayaan berbahasa Melayu pelajar. sama ada lisan mahu pun tulisan.

AMALAN PENGAJARAN BAHASA MELAYU

Pada tahun 2017, Amalan Pengajaran Singapura (STP) telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Singapura dengan tujuan untuk mengukuhkan amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru-guru Singapura. Bagi memudahkan guru-guru Bahasa Melayu membuat rujukan dan mendapatkan panduan, Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) telah menterjemah dan menerbitkan buku kecil Amalan Pengajaran Singapura. Menerusi STP, setiap guru akan menjadi lebih yakin dan reflektif dalam amalan pengajaran dan dapat membantu pelajar untuk belajar dengan baik serta dapat meningkatkan rasa seronok semasa proses PdP Bahasa Melayu. Amalan pedagogi menggariskan empat proses pengajaran yang asas, iaitu budaya positif di bilik darjah, penyediaan pelajaran, pelaksanaan pelajaran dan penilaian dan maklum balas. Keempat-



empat proses pengajaran ini dirincikan lagi kepada 24 aspek pengajaran (Amalan Pengajaran Singapura, 2018). Ini ditunjukkan oleh rajah di bawah:

Rajah 1: 24 Aspek Pengajaran STP

Penilaian dan Maklum Balas

22. memantau pemahaman dan memberikan maklum balas
23. menyokong pembelajaran secara sendiri
24. menyediakan tugas yang bermakna

Budaya Positif di Bilik Darjah

1. mewujudkan interaksi dan hubungan rapat
2. mengekalkan disiplin yang positif
3. menetapkan jangkaan dan rutin
4. membina kepercayaan
5. memperkasakan pelajar

Pelaksanaan Pelajaran

13. mengaktifkan pengetahuan sedia ada
14. merangsang minat
15. menggalakkan penglibatan pelajar
16. menggunakan fleksibiliti
17. memberikan penerangan yang jelas
18. menyusun langkah dan mengekalkan momentum
19. memudah cara pembelajaran kolaboratif
20. menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran
21. menutup pelajaran

Penyediaan Pelajaran

6. menentukan objektif pelajaran
7. mengambil kira profil pelajar
8. memilih dan menyusun urutan kandungan
9. merancang soalan-soalan utama
10. menyusun pembelajaran
11. menetapkan strategi pengajaran
12. menetapkan alat bantu dan bahan pembelajaran

(Amalan Pengajaran Singapura. 2018: 17)

Berdasarkan rajah ini, dijelaskan bahawa pelaksanaan pelajaran amat penting kerana daripada 24 aspek tersebut, sembilan daripadanya merupakan pelaksanaan pengajaran. Oleh itu, kertas kerja ini memfokuskan aspek pelaksanaan pelajaran seperti yang termuat dalam STP 2018.



PELAKSANAAN PELAJARAN

Dalam melaksanakan tugas mengajar, guru perlu menyampaikan mata pelajaran dengan baik agar pelajar dapat memahami ilmu yang ingin disampaikan. Ilmu yang disampaikan perlulah sesuai dengan tahap pelajar sehingga mereka memahami ilmu yang belum atau tidak diketahui. Pengajaran melibatkan proses menyampaikan, memindahkan, menyebarkan ilmu daripada guru kepada pelajar dengan tujuan memperkaya pengalaman belajar pelajar sehingga dapat mengembangkan potensi mereka secara optimum. Bagi menjadikan proses mengajar mencapai matlamatnya, maka guru perlu memiliki keterampilan mengajar yang merupakan kecekapan pedagogi yang kompleks kerana melibatkan integrasi daripada pelbagai kecekapan guru secara menyeluruh. Guru yang baik ialah guru yang berupaya memberikan rangsangan, bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar kepada pelajar agar berlangsungnya proses belajar dalam suasana yang kondusif.

Pengajaran yang dilaksanakan perlulah dapat menarik perhatian pelajar untuk terus kekal sepanjang pengajaran berlangsung tanpa pelajar berasa bosan tetapi menyukai atau tertarik dengan pengajaran yang dilaksanakan. Kecekapan guru dalam mempelbagai variasi amat penting dan variasi yang dipilih perlulah sesuai dengan tahap keupayaan pelajar. Yang berikut ini dibincangkan sembilan pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu.

1. Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada

Pengetahuan sedia ada pelajar ialah pengetahuan yang dimiliki oleh pelajar sebelum mereka mempelajari maklumat baharu. Pelajar hadir ke sekolah dengan pelbagai latar belakang, pengetahuan, kemahiran, kepercayaan dan sikap yang sedia ada yang mempengaruhi bagaimana mereka menerima, mentafsir dan menyusun maklumat yang diajarkan. Cara pelajar memproses dan mengintegrasikan maklumat baharu akan mempengaruhi cara untuk mereka mengingat, berfikir, mengaplikasi dan mencipta pengetahuan baharu. Memandangkan pengetahuan dan kemahiran baharu bergantung pada pengetahuan dan kemahiran sedia ada yang dimiliki oleh pelajar, mengetahui apa yang diketahui oleh pelajar dan boleh dilakukan oleh pelajar ketika mereka masuk ke dalam kelas atau sebelum mereka mempelajari topik pengajaran yang baharu dapat membantu guru untuk membina aktiviti pengajaran yang membina kefahaman pelajar dan mengatasi kelemahan mereka.

Mengaktifkan pengetahuan sedia ada pelajar tentang bahasa melibatkan pengetahuan untuk pelajar mengakses maklumat yang tersimpan di dalam memori mereka. Bagi guru Bahasa Melayu, matlamat



utama pengajaran bahasa Melayu adalah untuk memastikan pelajar boleh mengakses secara langsung dan tidak langsung, tanpa mengira masa tentang pengetahuan yang disimpan dalam minda mereka. Pengaktifan tersebut amat penting bagi pelajar yang terdiri daripada latar budaya dan bahasa yang berbeza dan mereka ini bermungkinan mempunyai sedikit kesukaran untuk memahami sesuatu perkataan baharu atau tatabahasa sesuatu ayat. Pelajar berkepelbagaian budaya dan bahasa memerlukan pengenalan tentang sesuatu topik dengan lebih lanjut untuk membantu mereka mengurangkan kesulitan dalam pemahaman mereka atas faktor keterbatasan dalam kemahiran bahasa. Mereka memerlukan ruang yang lebih banyak untuk membincangkan dan memikirkan hubungan antara konsep-konsep bahasa dan juga kaitan antara isi kandungan pelajaran dengan pengetahuan sedia ada mereka. Interaksi bermakna ini membolehkan pelajar mendalami pemahaman terhadap topik yang diajarkan sepanjang pembelajaran berlangsung. Pengajaran instruksional yang bersesuaian dan bermakna yang mampu mencapai kehendak semua pelajar dapat dihasilkan dengan mengambil kira pengetahuan sedia ada mereka.

Guru yang baik ialah guru yang menyedari bahawa pelajar-pelajarnya memiliki pengetahuan sedia ada yang berbeza dari segi pengalaman akademik, adat, sosial, atau emosi (Marzano, 2004). Bahkan di bilik darjah yang sama, pelajar yang berasal dari latar belakang yang sama (seperti budaya, bahasa dan ekonomi) tidak semestinya mempunyai pengetahuan sedia ada dan pengalaman yang sama. Kepekaan seseorang guru terhadap perbezaan ini membolehkan guru untuk memastikan keupayaan bahasa pelajar dapat diperkukuhkan dan secara tidak langsung guru dapat memotivasikan pelajar agar mereka lebih bersemangat dalam mempelajari subjek bahasa Melayu.

Apabila guru berjaya mengenal pasti pengetahuan sedia ada pelajar, maka pelbagai potensi dan juga keberhasilan PdP Bahasa Melayu dapat dilaksanakan secara efektif. Sebagai contoh, aktiviti pengajaran KWL iaitu Tahu, Mahu Tahu, Telah Pelajari ialah satu teknik pengajaran efektif yang menggalakkan pelajar untuk merenung apa yang diketahui oleh mereka tentang sesuatu topik. Aktiviti ini mampu membantu pelajar untuk menyatakan apa yang ingin diketahui oleh mereka tentang pengetahuan atau kemahiran baharu yang akhirnya membolehkan mereka untuk merefleksi apa yang telah pelajari. Melalui teknik ini pelajar dapat mengaitkan pengalaman sedia ada dengan perkara yang dipelajari. Teknik ini memberikan maklumat mengenai perkara yang diketahui oleh pelajar dan berkeupayaan untuk menyampaikan pengetahuan mereka terutamanya apabila mereka mempelajari sesuatu yang baharu. Teknik ini juga membolehkan guru memenuhi keperluan pembelajaran pelajar dengan memenuhi minat, menangani keraguan dan salah faham dalam pembelajaran. Melalui cara ini pelajar secara kognitif berkemampuan untuk



memproses pemikiran mereka sendiri, berfikir tentang pengetahuan semasa mereka bentuk dan menghasilkan pemahaman tentang perkara yang ingin dipelajari.

2. Merangsang Minat

Minat bermaksud kecenderungan yang tinggi atau keinginan besar terhadap sesuatu. Minat ini dapat membantu seseorang itu mencapai tujuannya. Pelajar yang mempunyai minat terhadap sesuatu pelajaran berkecenderungan untuk memberikan tumpuan terhadap pelajaran tersebut dan merasa senang sepanjang proses pengajaran. Minat dalam proses pembelajaran memainkan peranan penting dalam membangunkan daya berfikir pelajar serta mempunyai pengaruh yang besar terhadap kejayaan pelajar. Apabila seseorang pelajar berminat terhadap topik yang diajarkan, maka mereka dapat memberikan perhatian dan tumpuan yang lebih baik serta dapat memahami subjek dengan lebih mudah. Di samping itu, pelajar juga dapat berfikir secara kritikal, dapat mengaitkan pengetahuan lama dengan yang baharu dan mempelajari sesuatu itu dengan lebih mendalam (Sri Endang Kusmaryati, 2017). Di samping itu, apabila pelajar meminati topik yang dipelajarinya, dia akan berkerja dengan lebih keras, mampu belajar dalam tempoh yang lebih lama dan gembira dengan pembelajarannya itu.

Merangsang minat pelajar untuk terus mengekalkan momentum belajar dalam subjek Bahasa Melayu merupakan cabaran besar bagi seseorang guru. Guru perlu merangsang pelajar untuk terus belajar dan rasa teruja dengan perkara yang diajarkan, dan pada masa yang sama pelajar menyedari kepentingan pembelajaran serta memaparkan sikap yang positif terhadap proses pengajaran. Salah satu aktiviti yang boleh menambah minat pelajar ialah aktiviti mengajar rakan. Untuk membolehkan aktiviti ini dilakukan, pelajar perlu mempunyai pengetahuan yang memuaskan tentang perkara yang ingin diajar. Di sini, pelajar bertindak sebagai pakar yang akan menerangkan sesuatu perkara. Kemampuan pelajar itu mengajar dapat mengekalkan minatnya terhadap subjek yang sedang berlangsung. Hal ini disebabkan pelajar merasakan bahawa dia mengetahui topik yang dibincangkan. Menerusi aktiviti ini, pelajar juga dapat meningkatkan pengetahuannya terhadap topik yang diajarkan kerana untuk berkongsi maklumat dengan rakan, mereka sendiri perlu menguasai topik yang ingin disampaikan. Justeru, menerusi aktiviti ini pelajar akan bertambah minatnya terhadap pengajaran kerana pelajar akan merasakan bahawa topik yang ajar tersebut dapat difahami dan mudah untuk diingat kerana pelajar telah belajar dua kali.



3. Menggalakkan Pelibatan Pelajar

Pelibatan pelajar di dalam kelas bererti proses melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran dan keterlibatan pelajar ini merupakan satu cabaran yang dihadapi oleh guru dalam setiap kelas yang diajar. Kadang kala usaha yang dilakukan oleh guru tidak tercapai kerana pelibatan pelajar tidak efektif dan topik yang diajarkan tidak dapat dimanfaatkan oleh pelajar sehingga hasil pembelajaran tidak dapat dicapai sepenuhnya. Oleh itu, guru mempunyai tanggungjawab yang sewajarnya dalam menggalakkan pelibatan pelajar di dalam kelas dengan mengambil kira faktor minat dan juga penerimaan mereka terhadap topik yang diajarkan. Penggalakan pelibatan pelajar ialah satu proses melibatkan pelajar dalam setiap aspek PdP di dalam kelas dengan tujuan mengukuhkan komitmen mereka terhadap sesuatu topik. Pelibatan pelajar merupakan aspek yang penting dalam pembelajaran kerana apabila pelajar bercakap atau bersuara di dalam kelas, mereka belajar untuk menyatakan idea mereka dengan cara yang difahami oleh orang lain. Apabila mereka bertanya, mereka belajar bagaimana untuk mendapatkan maklumat bagi meningkatkan pemahaman mereka sendiri tentang sesuatu topik yang dipelajari.

Pelibatan pelajar ini dapat dilaksanakan dengan guru mengemukakan beberapa soalan kepada pelajar. Menerusi tindak balas yang diterima oleh guru hasil daripada soalan yang dikemukakan itu, guru dapat mengetahui ketidakfahaman pelajar terhadap perkara tersebut dan dengan itu, guru perlu menyesuaikan pengajarannya dengan sewajarnya (Shore, 2019). Tambahan pula, fokus pelajar adalah terhad dan pemikiran mereka mudah melencong kepada perkara yang lain (Umi Kalthom & Ahmad, 2014). Guru perlu bertindak segera jika perkara ini berlaku, antaranya dengan bertanyakan soalan kepada pelajar agar tumpuan mereka terhadap pembelajaran dapat dikembalikan. Di samping itu, guru juga berperanan untuk menyediakan satu persekitaran yang menggalakkan dan menyokong pemikiran pelajar bagi membolehkan pelajaranya berasa lebih selesa, lebih yakin dan mampu bersuara.

Menggalakkan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam kelas ini penting kerana ia mampu meningkatkan motivasi dan komitmen pelajar dalam mempelajari topik (Ainun Rahmah, Zamri & Wan Muna Ruzanna, 2017). Sebagai contoh, guru boleh meningkatkan komitmen pelajar dalam mempelajari subjek Bahasa Melayu dengan menyoal pelajar tentang maksud yang dinyatakan dalam petikan atau pernyataan yang diberi. Guru juga boleh bertanyakan pendapat daripada pelajar lain untuk menghubungkan pemahaman mereka mengenai topik yang diajarkan. Pada ketika aktiviti ini dilaksanakan, guru digalakkan untuk menyebut nama pelajar dalam mengendalikan aktiviti yang melibatkan pelajar. Pelajar akan lebih terlibat jika mereka percaya bahawa guru melihatnya sebagai seorang individu dan bukannya sebagai ahli



tanpa sebarang identiti. Pelajar juga harus digalakkan untuk berinteraksi pada waktu aktiviti tersebut dengan cara menyebut nama mereka kerana strategi ini mampu meningkatkan kemungkinan untuk pelajar ini berinteraksi secara aktif dengan rakan sekelas dan mampu mengeluarkan pendapat apabila diminta. Selain itu, pelaksanaan pembelajaran kooperatif dan pembelajaran aktif juga mampu menggalakkan pelajar terlibat secara aktif dalam perbincangan yang produktif dengan menggerakkan pasukan kecil pelajar untuk berinteraksi dan bekerjasama dalam menghadapi pelajaran mereka. Pembelajaran yang berpusatkan pelajar ini memberi peranan kepada guru untuk bertindak sebagai fasilitator dalam bilik darjah. Guru digalakkan mengadakan aktiviti perkongsian ilmu contohnya, *lesson study* agar percambahan idea dan pengukuhan teknik pengajaran dapat difikirkan bersama (Umi Kalthom & Ahmad, 2014).

Guru juga disarankan untuk mempraktikkan pelibatan pelajar menerusi aktiviti kerjasama dan interaksi di dalam kelas. Kolaborasi dan interaksi secara langsung menyokong pelibatan pelajar dan dapat dimudahkan dengan menggunakan platform pembelajaran yang berbeza. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dapat mendorong pelajar untuk belajar mengambil bahagian dalam kelas, bekerjasama dengan berkesan, meningkatkan kemahiran kognitif dan sosial, memupuk kerjasama dan juga interaktiviti dalam memberikan pembelajaran yang bermakna. Sebagai contoh, salah satu platform yang dapat digunakan sebagai media pembelajaran interaktif ialah *Kahoot* yang merupakan soalan kuiz online yang dibina sendiri oleh guru. *Kahoot* menjadikan kelas menarik apabila pelajar menjawab kuiz secara *online* dan paparan markah terus terpapar di skrin hadapan kelas. Pendekatan ini menggalakkan pembelajaran secara interaktif dan juga menarik minat pelajar untuk terlibat secara bersama dalam bentuk kumpulan ataupun individu. Aplikasi ini meningkatkan respons atau pelibatan pelajar semasa sesi pengajaran kerana aplikasi *Kahoot* ini memberi peluang sama rata kepada semua pelajar untuk mengambil bahagian. Guru juga perlu memastikan semua pelajar mengambil bahagian dengan terpaparnya nama individu atau kumpulan dan bilangan mereka di skrin sebelum kuiz tersebut dijalankan.

4. Menggunakan Fleksibiliti

Pendidik pada abad ke-21 sedar bahawa pelajar-pelajar zaman ini adalah jauh berbeza dengan pelajar-pelajar dahulu. Pelajar-pelajar kini menuntut satu perubahan di bilik darjah kerana keupayaan mereka untuk mengumpulkan maklumat lebih cepat berbanding generasi sebelum ini. Guru sedia maklum bahawa pelajar-pelajar ini membesar bersama dengan arus teknologi yang sangat pesat. Oleh itu, bagi memastikan guru berkebolehan untuk menjalinkan hubungan dengan pelajar, guru seharusnya mengubah strategi agar dapat



menyesuaikan diri dengan keperluan pelajar era baharu ini. Oleh itu, fleksibiliti semasa pengajaran berlangsung merupakan satu keperluan yang wajar dilaksanakan oleh guru dalam mencapai hasil pembelajaran.

Menurut Schumm dan Arguelles (2006) '*for a teacher, no two days are alike*'. Pernyataan ini menunjukkan bahawa semua guru tidak mempunyai hari atau pengalaman yang sama. Dengan erti kata lain, persekitaran pembelajaran ialah proses berterusan yang penuh dengan pelbagai cabaran dan semasa proses tersebut akan muncul pelbagai idea baharu. Bagi semua guru, sebelum pengajaran bermula adalah penting untuk guru merancang sesebuah pengajaran dengan rapi kerana perancangan ini dapat membantu guru untuk mengajar dan mempunyai maklumat yang secukupnya untuk disampaikan kepada pelajar mereka. Walau bagaimanapun, adalah suatu perkara yang biasa apabila rancangan pengajaran yang telah disediakan menyimpang daripada perancangan awal. Hal ini bukan merupakan satu perkara tidak baik bagi sesuatu pengajaran tetapi perubahan diperlukan berdasarkan kehendak dan keperluan pelajar yang tidak sentiasa dapat diramalkan dan tidak dapat andaikan sama pada setiap hari. Pelibatan pelbagai pelajar dengan sifat ingin tahu yang kuat dan juga tahap keupayaan yang tinggi boleh menyebabkan sesuatu topik perbincangan di dalam kelas perlu diubah tanpa menjejaskan hasil pembelajaran. Begitu juga keadaan yang berlaku sebaliknya. Pergerakan organik ini diperlukan untuk membantu guru memudahkan pembelajaran, kerana perubahan yang dilakukan akan membolehkan para pelajar untuk bertindak secara lebih responsif di dalam kelas dengan guru berperanan membantu murid untuk memberi kiu atau galakan kepada pelajar lebih daripada memberi respons yang tepat kepada mereka atau dengan segera menyatakan bahawa jawapan pelajar adalah salah. Ini akan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan menunjukkan bahawa guru memberikan harapan yang positif serta dapat menggalakkan pelajar tersebut mempunyai keyakinan diri.

Penggunaan fleksibiliti di dalam kelas juga amat berkait dengan pertimbangan guru dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran dalam memberikan tahap perancah yang diperlukan. Sebagai contoh, apabila pelajar dapat memberi sebahagian respons yang diperlukan dan kemudian meminta bantuan guru, maka cara guru memberikan respons adalah kritikal. Jika guru percaya bahawa setiap pelajar boleh belajar, maka guru akan memiliki sifat sabar dan dapat memahami pelajar mereka. Pada waktu pembelajaran, guru digalakkan menggunakan nada yang merangsang dan memotivasi pelajar untuk menyelesaikan tugas pembelajaran. Penggunaan pertimbangan emosi dalam konteks pembelajaran ini membolehkan pelajar mempunyai nilai harga diri dan sekali gus wujud rasa kepercayaan terhadap guru kerana pelajar tersebut berasa dirinya dihargai dan dengan itu dapat meningkatkan



semangatnya untuk terus belajar. Selain itu, penggunaan fleksibiliti dalam pembelajaran amat penting apabila kelas tersebut mempunyai pelajar berbeza aras kognitif dan pemahaman. Dalam konteks ini, apabila wujudnya situasi sebegini, para guru disarankan untuk menganalisis tahap penguasaan pelajar terlebih dahulu, contohnya seperti kelancaran pertuturan, kemampuan untuk mengutarakan pendapat dan pengetahuan perbendaharaan kata. Analisis seperti ini dapat membantu guru untuk mengetahui laras pemahaman yang dimiliki oleh anak muridnya di dalam kelas dan membolehkan guru memberi respons yang sewajarnya kepada pelajar yang berlainan kebolehan, keperluan dan kepentingan. Ketika di dalam kelas, sekiranya respons pelajar di bawah jangkaan, maka guru perlu memberi huraian yang jelas tentang topik yang dibincangkan. Sekiranya pelajar masih di bawah aras kebolehan, guru boleh merancang secara proaktif untuk memilih tugas pembelajaran yang berbeza-beza tahap kesukarannya dan menyesuaikan mod atau proses pembelajaran yang sesuai dengan keperluan dan kebolehan pembelajaran pelajar. Ringkasnya, guru melaksanakan pengajaran pembezaan (*differentiated instruction*). Oleh hal yang demikian, lebih fleksibel pendekatan pengajaran guru di dalam kelas, lebih baik pelajar dapat menyesuaikan diri dengan pembelajaran dan semakin tinggi kemungkinan peningkatan pelibatan pelajar dalam kelas (Konen, 2018).

5. Memberikan Penerangan yang Jelas

“*Good teaching is good explanation*” (Calfee 1986). Ini menunjukkan bahawa penerang yang jelas merupakan kunci kepada sesuatu pengajaran. Memberi penjelasan yang baik merupakan aspek penting yang harus dimiliki oleh guru kerana guru perlu membina pemahaman kepada pelajarannya berkaitan sesuatu topik. Kemampuan untuk memberi kefahaman kepada pelajar merupakan tumpuan utama aktiviti pengajaran. Dengan itu untuk mencapai matlamat pengajaran, guru perlu menggunakan keadah pengajaran yang berkesan bagi membolehkan pelajar memahami topik yang diajar.

Antara matlamat pengajaran berkesan adalah untuk melengkapkan generasi pelajar dengan kecekapan berfikir secara kreatif dan keupayaan dalam menyelesaikan masalah. Justeru, pembelajaran berbentuk hafalan tidak lagi memadai. Oleh itu, dalam proses pembelajaran, apabila menjelaskan sesuatu topik yang baharu, maka guru perlu menghubungkannya dengan pengetahuan yang ada. Kaedah belajar seperti ini mampu menggerakkan sistem indera yang lebih banyak, iaitu belajar bukan sekadar mendengar penjelasan daripada guru, tetapi mengaktifkan pemikiran pelajar. Kaedah mengaitkan topik baharu dengan pengetahuan sedia ada menjadikan topik tersebut sukar untuk dilupakan. Walau bagaimanapun, kadang kala bagi topik yang abstrak sifatnya dan yang sukar untuk difahami menerusi mata kasar, maka timbul kesukaran



untuk pelajar mengaitkan pengetahuan lama dengan pengetahuan baharu. Dengan itu, salah satu pendekatan yang boleh digunakan ialah pendekatan analogi, iaitu penerangan yang dilaksanakan dengan cara membandingkan dua objek atau fenomena berbeza yang dianggap mempunyai kesamaan tertentu sama ada kesamaan dari segi bentuk, struktur atau pun fungsinya.

Analogi bererti perbandingan yang serupa antara dua objek, perkara, peristiwa, idea atau hal-hal yang boleh dibandingkan. Perbandingan ini bertujuan untuk melihat persamaan antara dua domain yang lebih sukar dengan yang lebih mudah. Oleh itu, dengan menggunakan analogi sesuatu perkara, objek dan peristiwa yang sukar atau abstrak dapat dijelaskan. Misalnya dalam menjelaskan hubungan antara kata kerja transitif dengan objek semasa pengajaran tatabahasa, keamatan hubungan ini boleh dianalogikan sebagai “kembar siam”. Untuk melaksanakan aktiviti ini, guru boleh menunjukkan gambar pasangan kembar siam, iaitu keadaan anak kembar yang tubuhnya kedua-duanya bersatu. Oleh itu, pelajar dapat mengaitkan keadaan ini dengan konsep kata kerja transitif dengan objek, iaitu perkaitan dua unsur yang tidak boleh dipisahkan. Penjelasan sesuatu topik dengan menggunakan kaedah analogi ini dapat membantu pelajar dalam memahami konsep yang abstrak sifatnya.

6. Menyusun Langkah dan Mengekalkan Momentum

Menyusun langkah dalam proses pembelajaran memerlukan ketelitian dan kepakaran yang khusus dalam kalangan guru. Bagi guru berpengalaman, penyusunan ini tidak menjadi masalah yang besar, malahan tidak merumitkan. Namun bagi guru permulaan, penyusunan pembelajaran memerlukan ketekunan dan ketelitian yang lebih tinggi untuk memastikan penyusunan tersebut benar-benar berjaya membantu proses pembelajaran mencapai objektifnya. Guru yang berpengalaman mampu melaksanakan proses peralihan langkah-langkah pelajaran dengan lancar dan berkesan. Kunci utama ialah kebolehan menandakan titik peralihan dengan tepat dan sesuai. Contohnya kecekapan guru dalam menetapkan masa yang sesuai untuk suatu aktiviti ditamatkan dan dimulakan. Dalam proses peralihan ini, guru boleh menggunakan pelbagai prosedur untuk mengelakkan pembaziran waktu pembelajaran terutamanya dalam proses peralihan dari satu aktiviti ke aktiviti yang lain. Situasi ini dapat dilihat menerusi langkah guru dalam melaksanakan prosedur yang jelas untuk membentuk kumpulan atau melaksanakan aktiviti secara berkelompok.

Dalam pembelajaran bahasa Melayu yang sering menggunakan rentetan subaktiviti bagi mencapai objektif pelajaran, guru perlu menentukan dengan tepat jumlah masa yang diperuntukkan untuk setiap subaktiviti yang dipilih. Subaktiviti yang disediakan tidak sewajarnya memerlukan masa yang



terlalu lama atau tidak pula terlalu singkat. Justeru kecekapan menyusun langkah dalam pembelajaran ialah perkara yang penting dalam proses pengajaran. Hal ini demikian kerana penyusunan langkah akan membantu guru mengekalkan momentum dalam penyampaianya bagi mencapai objektif pelajaran. Dalam keadaan guru yang mahu memastikan pelajar kekal terlibat dengan aktif dalam aktiviti pembelajarannya, guru perlu bijak untuk menentukan kadar kelajuan dalam peralihan aktiviti pembelajaran. Kadar kelajuan dalam penyampaian yang perlahan boleh menyebabkan pelajar berasa cepat bosan dan berhenti memberi perhatian. Lebih teruk lagi apabila pelajar menjadi bosan, mereka mudah terganggu dan mula melakukan kesalahan di dalam proses pembelajarannya. Sebaliknya, apabila langkah pembelajaran yang dibuat oleh guru terlalu cepat, akan ramai pelajar berhadapan masalah gagal untuk memahami isi pelajaran yang disampaikan sehingga mereka merasakan topik yang diajarkan rumit dan tidak lagi berminat kepada guru dan pelajarannya.

Guru yang bijak akan mengambil perhatian bahawa pautan pelajaran atau peralihan dalam langkah pembelajaran ini perlu dilakukan dengan berkesan bagi tujuan mengekalkan perhatian pelajar dan mewujudkan hubungan sesama pelajar. Perancangan untuk melaksanakan langkah peralihan perlu dilakukan dengan baik kerana momentum pelajaran perlu dikekalkan semasa peralihan antara aktiviti. Beberapa pertimbangan asas perlu diberi perhatian bagi menjamin penyusunan langkah pengajaran yang dibuat oleh guru benar-benar memberi manfaat kepada pelajar. Pertimbangan yang perlu diambil kira oleh guru dalam menyusun langkah ini, iaitu:

1. elakkan penjelasan dan arahan yang berjela-jela kepada pelajar apabila memulakan sebarang aktiviti;
2. gunakan pelbagai aktiviti dalam satu-satu pembelajaran dan bukannya menggunakan hanya satu aktiviti sepanjang proses pembelajaran;
3. seboleh-bolehnya elakkan daripada menggunakan aktiviti yang boleh dijangkakan oleh pelajar selain mengulang-ulang aktiviti yang sama;
4. pilih dan laksanakan aktiviti mengikut aras kesukaran sesuai dengan keperluan dan tahap pelajar;
5. tetapkan dengan jelas matlamat dan had masa untuk setiap aktiviti kerana aktiviti yang tidak mempunyai kesimpulan yang jelas dan tiada kerangka masa, cenderung untuk merendah momentum pengajaran; dan
6. pantau prestasi pelajar sepanjang aktiviti bagi memastikan pelajar mempunyai masa yang secukupnya dan bukan berlebih masa.

Tukinoff (1985)



Berdasarkan kriteria di atas guru perlu bertindak sebagai pengawal kepada peralihan dalam langkah pembelajaran yang telah dirancang. Dalam keadaan ini, guru menentukan sepenuhnya pergerakan murid dan peralihan dari satu aktiviti kepada aktiviti yang lain dengan memberikan arahan yang jelas. Terdapat juga keadaan guru perlu bertolak ansur dengan pelajar terutamanya apabila aktiviti dijalankan secara serentak oleh beberapa kumpulan. Jika tambahan masa diberikan, masa tersebut masih tetap terkawal bagi memastikan aktiviti dapat disempurnakan dengan baik. Dalam keadaan adanya kumpulan yang berjaya menyiapkan aktiviti lebih awal atau tepat pada masanya, kumpulan pelajar tersebut wajar diminta untuk meneruskan aktiviti lain yang berkaitan. Dengan cara ini guru dapat menghalang mereka daripada berbual, atau tidak melakukan sebarang aktiviti malahan dapat mengelakkan mereka daripada mengganggu rakan yang lain.

Salah satu aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh guru ialah aktiviti berhenti sejenak dan lakukan refleksi. Dalam aktiviti ini guru boleh menghentikan pengajaran setiap 15 minit dan meminta pelajar melakukan refleksi. Jangka waktu yang diberikan oleh guru bergantung kepada tahap kesukaran topik dan keupayaan pelajar. Semasa refleksi, guru boleh bertanyakan perkara yang dipelajari oleh mereka. Refleksi ini boleh dilakukan dengan pelajar menulis di atas kertas atau memberi pandangan secara lisan. Pada ketika ini, pelajar di bawah aras kebolehan perlu dibimbing atau membuat refleksi di dalam kumpulan. Refleksi ini membolehkan pelajar bukan sahaja menerima maklumat daripada topik yang dibincangkan oleh guru tetapi pelajar perlu mengolah topik yang telah dipelajarinya. Dengan melakukan refleksi, pelajar dapat memahami dan mengingat kembali perkara yang diajarkan khususnya topik yang sukar dan abstrak sifatnya.

7. Memudah Cara Pembelajaran Kolaboratif

Pembelajaran kolaboratif ialah pembelajaran yang memerlukan pelajar-pelajar dalam kumpulan kecil bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan yang saling membantu dalam pembelajaran (Yahya Othman, 2009). Bekerja sebagai satu pasukan merupakan trend masa ini yang mengubah bentuk kerja secara individu kepada berfikir dan bekerja secara berkelompok bagi menghadapi pelbagai isu yang lebih kritikal. Dalam pembelajaran kolaboratif ini, kelompok pelajar bekerjasama bagi menyelesaikan sesuatu masalah, tugas dan bekerjasama dalam menghasilkan sesuatu produk. Menerusi pengajaran kolaboratif ini, aspek yang dipentingkan ialah kerjasama yang didasari oleh persetujuan antara ahli dan tidak wujud persaingan antara individu dalam kelompok. Bahkan setiap ahli perlu menyumbang idea, berusaha untuk saling menghargai setiap ahli dan memainkan peranan masing-masing untuk kejayaan kelompok mereka walaupun keupayaan setiap ahli berbeza-beza.



Pada umumnya, bagi melaksanakan pembelajaran kolaboratif ini menurut Reid (2004), terdapat lima tahap, iaitu:

1. *Pelibatan atau Engagement*
Guru melakukan penilaian terhadap kemampuan, minat, bakat dan kecerdasan setiap pelajar. Setiap kelompok yang dibentuk akan dianggotai oleh pelajar yang berbeza-beza kemampuannya.
2. *Penerokaan atau Exploration*
Guru akan memberikan tugas dan lazimnya tugas tersebut memerlukan kelompok menyelesaikan masalah atau isu. Untuk itu, setiap ahli secara bekerjasama akan membaca, mencatat, mengenal pasti, meneliti dan menganalisis untuk mendapatkan jawapan atau cara menangani isu atau masalah.
3. *Pemindahan atau Transformation*
Setiap kelompok dianggotai oleh pelajar yang memiliki keupayaan yang berbeza-beza. Dalam melaksanakan tugas yang diberikan, pelajar yang berbeza keupayaan ini akan berbincang dan bertukar-tukar pendapat. Oleh itu, pelajar yang mempunyai prestasi yang rendah dapat meningkatkan prestasinya dengan adanya proses transformasi, iaitu pemindahan ilmu daripada pelajar yang bijak kepada pelajar pada aras kebolehan atau di bawah aras kebolehan.
4. *Pembentangan atau Presentation*
Apabila tugas yang diberikan berjaya diselesaikan, maka setiap kelompok perlu membentangkan hasil perbincangan. Kelompok lain akan mengamati, menilai dan membandingkan hasil kerja tersebut.
5. *Refleksi atau Reflection*
Soal jawab selepas pembentangan. Pada ketika ini akan timbul persoalan, bantahan, perbezaan pendapat atau kritikan daripada kelompok yang lain. Oleh itu, setiap ahli dalam kelompok perlu bekerjasama menangani setiap persoalan dengan baik.

Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan ialah aktiviti *jigsaw*. Menerusi aktiviti ini, pelajar dikelompokkan kepada beberapa kumpulan. Terdapat dua kelompok utama, iaitu kelompok rumah dan kelompok pakar. Salah seorang ahli daripada kumpulan rumah akan menjadi anggota kepada kelompok pakar. Dalam kelompok pakar ini, semua ahli akan berbincang tentang sesuatu perkara. Ahli kelompok pakar perlu menguasai perkara yang dibincangkan dan menjelaskan serta mengajar ahli kumpulan rumah tentang perkara tersebut. Dalam perbincangan bersama ahli kumpulan rumah, mereka akan berbincang



dan saling bertukar-tukar idea. Hasil perbincangan ini akan dibentangkan dan setiap kumpulan akan bersaing untuk mendapat hasil yang terbaik. Oleh itu, bagi subjek Bahasa Melayu, pelaksanaan pengajaran kolaboratif menerusi aktiviti *jigsaw* ini mampu dilaksanakan bagi pembelajaran karangan. Hal ini disebabkan dalam penghasilan karangan, pelajar perlu menghuraikan idea utama dan membincangkannya menerusi idea sampingan serta perlu memberikan contoh yang sesuai. Bagi menghasilkan karangan yang utuh, perbincangan dalam kumpulan memberi kesan yang lebih baik berbanding jika dilakukan secara individu. Disebabkan aktiviti ini memerlukan pelajar membentangkan hasil perbincangan dan setiap kumpulan rumah saling bersaing antara satu sama lain, maka setiap kumpulan rumah terdorong untuk memberikan hasil kerja terbaik. Pengajaran seperti ini membolehkan pelajar memperoleh beberapa kemahiran seperti kemahiran berfikir, memahami, mengingat, berinteraksi dan proses pembelajaran menjadi lebih menyeronokan (Yusfaiza Yusof dan Mohd Isha Awang, 2012).

8. Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran

Penyoalan atau bertanya merupakan salah satu bentuk penilaian formatif untuk memperoleh jawapan atau respons daripada pelajar terhadap sesuatu perkara. Soalan yang dikemukakan boleh sahaja untuk mengetahui pengetahuan pelajar terhadap suatu perkara atau persoalan yang memerlukan pelajar membuat keputusan atau pertimbangan atau untuk mentaksir pembelajaran.

Menerusi penyoalan, aktiviti belajar dapat ditingkatkan kerana pelajar melibatkan diri secara langsung dalam pembelajaran apabila pertanyaan diajukan kepada mereka. Antara kepentingan penyoalan ialah penyoalan akan meningkatkan kemampuan berfikir pelajar, dapat menimbulkan rasa ingin tahu, dapat meningkatkan kecekapan berfikir, dapat memfokuskan perhatian pelajar terhadap perkara yang diajarkan, dapat mengenal pasti kesulitan yang dihadapi semasa pengajaran berlangsung atau dapat mengaitkan maklumat yang ingin disampaikan oleh guru dengan maklumat yang diterima oleh pelajar adalah selari. Oleh itu, pertanyaan merupakan rangsangan atau dorongan untuk pelajar terus belajar dengan lebih aktif sehingga hasil pembelajaran dapat dicapai dengan baik. Hal ini terlaksana apabila sesuatu aspek yang diajukan pertanyaan dapat ditanggap dengan baik oleh pelajar.

Aktiviti penyoalan dapat dilakukan pada bahagian awal, pertengahan atau pada bahagian akhir pengajaran. Jenis soalan yang dikemukakan bergantung pada matlamat yang ingin dicapai. Sebelum mengemukakan soalan, guru harus memastikan soalan yang dikemukakan mempunyai matlamat dan tujuan. Matlamat pengajaran berkait secara langsung dengan jenis soalan. Oleh itu, guru perlu menggunakan kaedah dan strategi yang



berbeza dan perbezaan ini bergantung kepada tujuan pengajaran tersebut. Jika untuk memperkenalkan topik pengajaran, maka guru perlu mengemukakan soalan pada permulaan kelas. Tujuannya adalah untuk menimbulkan minat dan rasa ingin tahu terhadap topik serta menggalakkan pelajar terlibat dalam aktiviti pembelajaran.

Untuk mengetahui kefahaman pelajar, guru perlu mengetahui keupayaan atau tahap pelajar terlebih dahulu. Oleh itu, soalan yang diajukan perlulah berkaitan dengan fakta umum tentang bahan bacaan atau ulasan umum tentang cerita yang dibaca. Soalan seperti ini membolehkan guru mengetahui sejauh mana kefahaman pelajar menanggapi bahan yang dibaca dan sejauh mana pelajar ini boleh melakukannya di dalam kelas. Soalan seperti ini juga boleh memberi idea kepada pelajar apa yang perlu dilakukan dalam interaksi di dalam kelas. Pada keseluruhannya, dengan mempunyai matlamat tertentu guru dapat merancang jenis soalan yang boleh diajukan. Matlamat PdP mempengaruhi soalan yang dibina seperti jenis soalan, perancangan soalan dan cara menangani respons pelajar.

Salah satu aktiviti yang dapat dilaksanakan ialah aktiviti rangkaian IRF atau *initiate-response-feedback*, atau mulakan-respons-maklum balas. Aktiviti ini merupakan aktiviti tipikal yang sering digunakan di dalam kelas. Aktiviti ini dimulakan dengan penysoalan. Guru akan mengemukakan soalan kepada pelajar. Soalan ini diajukan kepada pelajar tertentu dan soalan yang dikemukakan ini tidak menjurus kepada perbincangan yang mendalam. Berdasarkan kepada soalan yang dikemukakan, pelajar tersebut akan memberikan jawapan sebagai respons kepada guru. Dalam aktiviti ini, guru perlu mengelakkan diri daripada membetulkan jawapan pelajar. Guru harus memberikan maklum balas berbentuk komen atau soalan agar dapat meluaskan pemikiran pelajar.

9. Menutup Pelajaran

Fasa menutup pelajaran merupakan fasa yang tidak boleh diambil ringan oleh setiap guru. Setiap pengajaran mempunyai matlamat atau objektif yang harus dicapai sama ada oleh pelajar atau guru. Bagi mengetahui pencapaian sesuatu objektif, mengetahui kefahaman pelajar dan bagi menamatkan sesuatu pengajaran, maka menutup pelajaran perlu dilakukan dengan bersistem. Menutup pengajaran penting untuk pelajar berasa bahawa pengajaran tersebut telah berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan oleh diri mereka sendiri atau yang ditetapkan untuk pelajaran tersebut dan pelajaran tersebut berfaedah serta bermakna. Adakalanya guru dan pelajar mempunyai pemahaman yang berbeza tentang objektif yang ingin dicapai. Justeru, dengan merumus pelajaran, pemahaman pelajar dapat diperkukuh. Pada dasarnya, tujuan



menutup pelajaran adalah untuk membolehkan guru memberikan gambaran menyeluruh tentang topik yang diajarkan, mengetahui tahap pencapaian pelajar dan keberkesanan pengajaran yang baru sahaja berlangsung.

Menurut Saud (2009), terdapat tiga tujuan menutup pelajaran, iaitu:

1. untuk mengetahui tahap pemahaman pelajar terhadap topik yang diajarkan;
2. untuk mengetahui pencapaian objektif guru dalam proses pengajaran; dan
3. membantu pelajar memahami perkaitan antara maklumat/pengalaman yang dimilikinya dengan ilmu yang baru dipelajarinya.

Di samping itu, menutup pelajaran juga penting kepada pelajar agar mereka menyedari urutan topik yang dipelajari. Mereka juga akan mempunyai kesedaran bahawa setiap aktiviti yang dilaksanakan di dalam kelas mempunyai makna yang tersendiri bagi membantu kefahaman mereka terhadap topik yang disampaikan. Bagi menutup pelajaran, seseorang guru boleh menarik perhatian pelajar dengan meminta pelajar merumuskan topik yang dipelajari pada hari itu atau guru sendiri menyimpulkan pelajaran yang diajarkannya. Guru juga boleh mengajukan soalan kepada pelajar bagi mengetahui tahap pemahaman pelajar dan keberkesanan pengajarannya. Di samping itu, guru boleh memberikan maklumat tambahan berkaitan dengan topik yang diajarkan dan meminta pelajar untuk membuat kerja rumah berdasarkan kepada bahan yang diberikan. Guru juga boleh meminta pelajar membuat senarai semak pembelajaran. Menerusi senarai semak ini, pelajar akan membuat refleksi terhadap topik yang diajarkan. Pelajar boleh menyatakan apa yang dipelajari dan apakah yang membantu mereka untuk memahami pelajaran dengan baik.

HARAPAN

Dunia tanpa sempadan dan globalisasi ini telah memberikan kesan yang sangat signifikan dalam bidang pendidikan. Guru yang merupakan tonggak utama dalam sistem pendidikan perlu menguruskan jurang generasi dengan baik, khususnya di dalam bilik darjah. Sememangnya wujud jurang generasi yang besar antara guru (generasi X dan Y) dengan pelajar kerana pelajar yang terdiri daripada generasi Z dan generasi A memiliki pemikiran yang amat berbeza daripada guru mereka. Di samping itu, gaya hidup, budaya, nilai, kepercayaan kemahiran dan personaliti pelajar yang banyak dipengaruhi oleh teknologi digital perlu difahami dan diuruskan dengan bijaksana oleh guru. Kefahaman guru tentang perbezaan dan persamaan antara generasi ini dapat memberi kesan positif terhadap cara komunikasi guru, iaitu guru dapat menguruskan



pengajaran dengan berkesan dan dapat memupuk motivasi pelajar untuk belajar (Nur Hanani, 2017).

Guru juga perlu menguasai teknologi terkini dengan baik dan menggunakan teknologi dalam proses pengajaran. Untuk mencapai tujuan ini, guru perlu mengadaptasi kaedah baharu pengajaran yang selari dengan perkembangan pantas teknologi. Dalam zaman Revolusi Industri 4.0 ini, seringkali kita mendengar perkataan antaranya seperti kecerdasan buatan (*artificial intelligence*), gangguan inovasi dan teknologi serta luasan realiti (*augmented reality*). Persoalannya adakah kita sebagai guru mampu memanfaatkan luasan realiti misalnya dalam pengajaran kita. Kajian menunjukkan bahawa integrasi luasan realiti dalam pengajaran membolehkan pelajar memahami sesuatu konsep dengan baik dan menjadikan pengajaran lebih menarik. Tambahan pula, pelajar generasi Z dan alpha ini dikatakan hanya dapat menumpukan perhatian terhadap pengajaran hanyalah dalam tempoh masa yang singkat, iaitu sekitar 10 hingga 15 minit sahaja. Oleh hal yang demikian, guru perlu bersedia untuk pengubah corak pengajaran yang selaras dengan perkembangan teknologi yang pantas.

KESIMPULAN

STP ini amat bertepatan dengan pendidikan holistik yang menjadi asas dalam Falsafah Kurikulum Singapura dengan hasrat untuk mengembangkan seluruh potensi pelajar secara harmoni, bersepadu dan seimbang dari segi intelektual, emosi, fizikal, sosial, estetika dan spiritual. Pendidikan holistik ini dapat melahirkan pelajar yang sedar bahawa dirinya merupakan sebahagian daripada sistem kehidupan yang lebih besar dan sentiasa mahu memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara. Kejayaan dalam menghasilkan pelajar yang holistik ini bergantung kepada pengajaran guru yang holistik, iaitu guru yang mempelbagaikan sistem pengajaran mengikut keperluan pelajar; guru yang membantu pelajar mengembangkan potensi dirinya; guru yang berjaya menyusun rancangan pelajaran yang dapat mengembangkan potensi pelajarannya dan guru yang berjaya menerapkan strategi penilaian yang pelbagai. Justeru, corak pengajaran guru memberi kesan yang amat mendalam kepada pembentukan minda, jiwa, jati diri dan sahsiah pelajar.



RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Nur Hanani Hussin. 2017. Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kepelbagaian Budaya: Harapan dan Cabaran. https://www.researchgate.net/publication/320858903_Pendidikan_Abad_ke_21_Dalam_Kepelbagaian_Budaya_Cabaran_dan_Harapan
- Ainun Rahmah Ibrahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad 2017. Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 7(2), 77-88. ISSN: 2180-4842.
- Amalan Pengajaran Singapura. 2018. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Calfee. 1986. dalam Odora, R. J. 2014. “Using Explanation as a Teaching Method: How Prepared Are High School Technology Teachers in Free State Province, South Africa?”. *Journal of Social Science*. 38(1): 71-81.
- Hamers, J.F. dan Blanc, M.H.A. 2000. *Bilinguality and Biligualism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kamsiah Abdullah. 1993. “Kedwibahasaan, prestasi akademik dan penguasaan Bahasa Melayu di kalangan penuntut-penuntut Melayu di Singapura”. Kongres Bahasa Indonesia VI. Jakarta. Indonesia, 28 Oktober – 2 November.
- Kamsiah Abdullah. 2010. *Pendidikan Bahasa Melayu di Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Konen, J. (2018, January). *6 Questions to Tackle When Demonstrating Flexibility and Responsiveness in the Classroom*. Retrieved from:<https://www.teacher.org/daily/demonstrating-flexibility-responsiveness-classroom/>
- Lee, P. 2016. “English most common home language in Singapore, bilingualism also up: Government survey”. *Straits Times*. Mac, 10.
- Marzano, R. J. 2004. The developing vision of vocabulary instruction. dalam Baumann J.F., dan Kameenui E. J. (Eds.), *Vocabulary instruction: Research to practice* (m/s. 100-117). New York: Guilford Press.



- Mohamed Naim Daipi. 1993. "Bahasa Melayu dalam Dasar Dwibahasa dan Sistem Pendidikan di Singapura". Pesan: Kumpulan makalah sempena Bulan Bahasa. hlm167-176.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Saud, Udin Syaefudin. 2009. *Pengembangan Profesi Guru*. Bandung: Alfabeta.
- Shore, K. (2019). Dr. Ken Shore's Classroom Problem Solver: *Encouraging Class Participation*. Retrieved from: https://www.educationworld.com/a_curr/shore/shore056.shtml
- Sri Endang Kusmaryati. 2017. "Exploring Students Interest in Learning English (A Descriptive Study in Elementary Schools in Kudus)". The 2nd TEYLIN International Conference Proceedings. Indonesia. April. 184-191.
- Suratman Markasan. 1993. "Perkembangan Bahasa Melayu di Singapura". Singapura.
- Taspcott, D. 2008. *Growing Up Digital: How the Net Generation is Changing Your World*. Columbus: McGraw Hill.
- Umi Kalthom, Kalthom Mahbib dan Ahmad Esa (2014). *Kaedah kooperatif sebagai pilihan abad 21: Soroton Literatur*. International Seminar on Technical and Vocational Education 2014 (TVEIS 2014).
- Schumm, J.S. dan Arguelles, M. E. (2006). No two learners learn alike: The importance of assessment and differentiated instruction. Dalam Schumm, J.S. (Eds.), *Reading Assessment and Instruction for All Learners* (m/s: 27-57). New York: Guilford Publications.
- Yusfaiza Yusof dan Mohd Isha Awang. 2012. "Aplikasi Pembelajaran Jigsaw II dalam Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu." dalam *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ*. Vol. 2, Bil. 2 (Nov. 2012): 62-70
- <https://www.professorjackrichards.com/wp-content/uploads/Reflective-teaching-in-second-language-classrooms-Chap-6-The-structure-of-a-language-lesson.pdf>

